

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JMS 101 – Pengantar Sejarah**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. Kata Collingwood, "Sains merupakan mengetahui sesuatu, dan dari segi itu sejarah adalah sejenis sains." Sejauh manakah pendapat anda Sejarah itu merupakan sejenis sains?

(25 markah)

2. F.J. Teggart mendakwa bahawa bidang kajian sejarah tertumpu hanya kepada tindak-tanduk manusia yang memberi kesan kepada sesuatu kelompok seperti rakyat atau negara. Dengan contoh-contoh yang sesuai, bincangkan dakwaan Teggart ini.

(25 markah)

3. Dengan contoh yang sesuai, bincangkan perbezaan di antara **kritikan luaran** dengan **kritikan dalaman**.

(25 markah)

4. *Sejarah Melayu* merupakan sumber penting di dalam pensejarahan Tanah Melayu. Bincangkan kedudukannya sebagai **sumber pertama** dan **sumber kedua**.

(25 markah)

5. Terdapat pendapat-pendapat yang bertentangan tentang pengadilan moral dalam sejarah. Pada pendapat anda apakah wajar seseorang tokoh (pelaku) sejarah itu dikenakan hukuman moral?

(25 markah)

6. Bincangkan perkara-perkara yang mempengaruhi pemikiran sejarawan ketika membuat tafsiran tentang sesuatu peristiwa sejarah itu.

(25 markah)